

TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i SALAM**1.0 DEFINISI**

Di dalam terma-terma dan syarat-syarat, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah: "Akaun Simpanan-i Salam / ASS" bermaksud produk Akaun Simpanan ini yang ditawarkan oleh Co-opbank berdasarkan prinsip Salam. "Co-opbank" bermaksud Co-opbank Pertama, sebuah Co-opbank yang diperbadankan di Malaysia dengan pejabat berdaftar di Wisma Co-opbank Pertama, No115 Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kampung Bharu, 50300 Kuala Lumpur.

2.0 PRINSIP SYARIAH

2.1 Co-opbank Pertama ("Co-opbank") akan menerima jumlah wang yang didepositkan dan apa-apa jumlah wang yang akan didepositkan semasa pembukaan akaun dan seterusnya dalam ASS adalah berdasarkan prinsip Syariah Bai' Salam dengan pengaturan Tawarruq (komoditi Salam). 2.2 Pendeposit bersetuju bahawa semua siri-siri urusaniaga komoditi di antara pendeposit dengan Co-opbank dan di antara pendeposit dengan broker adalah diwakili oleh Co-opbank sebagai wakil berlandaskan kepada prinsip wakalah (dwi-wakalah).

3.0 KOMODITI SALAM

3.1 Pendeposit hendaklah memberi persetujuan kepada Co-opbank untuk berurusan dengan keseluruhan atau mana-mana baki di dalam akaun sebagai bayaran langganan unit komoditi atau harga belian Salam untuk urusaniaga komoditi masa hadapan dan dikendalikan kemudiannya dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Co-opbank. Pada masa hadapan yang dijadualkan oleh Co-opbank, siri-siri urusaniaga komoditi akan dilakukan secara pukal yang mana Co-opbank akan menggunakan bayaran harga belian Salam oleh semua pendeposit untuk membeli komoditi yang ditetapkan daripada broker (pembekal komoditi). Co-opbank melakukan serahmilik pemilikan komoditi (*takhliyyah*) kepada pendeposit-pendeposit melalui wakil seterusnya Co-opbank juga sebagai wakil pendeposit akan menjual semula komoditi kepada pihak ketiga melalui broker pada harga jualan salam. Sebarang keuntungan dalam harga jualan salam yang dijana oleh Co-opbank sebagai wakil pendeposit melalui urusaniaga komoditi tersebut adalah kepunyaan pendeposit. Manakala sebarang keuntungan yang diperolehi oleh Co-opbank daripada penggunaan dana bagi penempatan di pasaran wang dan aktiviti perniagaan adalah kepunyaan Co-opbank sebagaimana yang dinyatakan dalam Klausa 14 terma dan syarat ini.. Co-opbank bertanggungjawab untuk membuat pemulangan nilai prinsipal dan nilai keuntungan kepada Pendeposit daripada ASS. Tertakluk kepada syarat-syarat Perjanjian ini, Co-opbank menjamin pembayaran keseluruhan yang ada di dalam akaun Pendeposit apabila dituntut.

4.0 PEMBUKAAN AKAUN

4.1 Co-opbank mempunyai hak untuk menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa, jumlah deposit minimum yang dikehendaki untuk membuka akaun. Pendeposit juga dikehendaki mengekalkan baki minimum seperti yang dinyatakan oleh Co-opbank dari masa ke semasa. 4.2 Sebarang permohonan untuk membuka ASS hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan bersama-sama dengan dokumen-dokumen yang berkaitan sebagaimana yang diminta oleh Co-opbank. 4.3 Warganegara dan Penduduk Tetap Malaysia, samada Anggota atau bukan Anggota, boleh membuka satu (1) ASS sahaja kecuali dengan kebenaran Co-opbank dalam sub-kod produk yang berbeza. Kelayakan ini hanya terpakai kepada Pendeposit yang membuka akaun secara individu atau akaun bersama. Akaun ASS bagi tujuan akaun sekuriti (yang dibenarkan oleh pengurusan Co-opbank) hanya dibenarkan membuka ASS bersama Co-opbank. 4.4 Individu yang telah mencapai usia sekurang-kurangnya 18 tahun layak untuk membuka ASS secara individu atau bersama. Bagi ASS, tiada had umur minima mahupun maksima bagi pembukaan akaun individu. 4.5 Co-opbank diberi kuasa untuk bertindak atas semua arahan yang diberikan mengikut arahan penandatanganan yang dinyatakan dalam borang pembukaan akaun dan Kad Tandatangan Spesimen (atau sebaliknya disediakan kepada dan diterima oleh Co-opbank). Jika sebarang arahan tidak jelas atau Co-opbank menerima arahan yang bertentangan, Co-opbank boleh memilih untuk tidak bertindak atas apa-apa arahan sehingga konflik telah diselesaikan berdasarkan kepada kepuasan Co-opbank. Pendeposit dikehendaki menggunakan gaya tandatangan yang sama pada semua arahan pengeluaran, cek, surat dan lain-lain seperti yang terdapat pada borang pembukaan akaun atau kad spesimen. 4.6 Pendeposit adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat yang sedia ada di dalam laman sesawang kami www.cbp.com.my sebelum bersetuju untuk melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan dan/atau mengambil bahagian di dalam mana-mana kempen dan promosi kami. 4.7 Penerimaan dan penerusan ASS adalah tertakluk sepenuhnya di atas budibicara Co-opbank.

5.0 AKAUN BERSAMA

Terma-terma dan syarat-syarat yang berikut terpakai bagi suatu akaun bersama:

a) liabiliti pemegang akaun bersama kepada Co-opbank adalah secara bersama dan berasingan; b) jika salah seorang daripada pemegang akaun bersama meninggal dunia atau menjadi tidak solven/mufliis, pemegang akaun yang masih hidup / solven secara langsung menjadi pemegang amanah untuk bahagian si mati / tidak mufliis terhadap baki di dalam akaun dan pihak Co-opbank berhak untuk terus bertindak mengikut arahan yang ditandatangani oleh pemegang akaun yang masih hidup / solven tersebut, tanpa apa-apa liabiliti kepada pemegang akaun atau waris kepada pemegang akaun bersama; c) sekiranya pihak Co-opbank menerima apa-apa arahan tidak jelas atau bercanggah dari pemegang akaun bersama, pihak Co-opbank berhak untuk tidak bertindak dengan apa-apa atau kedua-dua arahan atau Co-opbank berhak untuk bertindak sebagaimana yang difikirkannya patut, tanpa apa-apa liabiliti kepada mana-mana pemegang akaun bersama. d) apa-apa pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada pemegang akaun bersama. Sebarang permintaan untuk menutup akaun akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh Co-opbank jika ia ditandatangani oleh semua pemegang akaun bersama.

TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i SALAM**6.0 AKAUN PERKONGSIAN**

Terma-terma dan syarat-syarat yang berikut terpakai bagi suatu akaun perkongsian: a) Liabiliti pemegang akaun bersama kepada Co-opbank adalah secara bersama dan berasingan; b) Jika salah seorang daripada rakan kongsi kepada perkongsian meninggal dunia atau menjadi muflis atau firma dibubarkan dengan atau tanpa sebab, baki jumlah di dalam akaun perkongsian Pendeposit akan dibahagikan mengikut perjanjian perkongsian oleh rakan kongsi (iaitu perjanjian perkongsian yang berada di dalam simpanan pihak Co-opbank) atau sekiranya tiada perjanjian perkongsian dimasuk, dibahagikan secara sama rata atau mengikut pembahagian yang dinyatakan di dalam perintah Mahkamah atau badan yang berkuasa bagi urusan pembahagian atau mengikut budibicara pihak Co-opbank adalah patut dibayar mengikut sebarang pecahan yang dirasakan sesuai kepada rakan kongsi yang masih hidup sebagai pemegang amanah untuk waris si mati dan juga tertakluk kepada polisi semasa pihak Co-opbank. c) Apa-apa arahan yang diberikan untuk pengoperasian akaun perkongsian akan kekal berkuatkuasa sehingga ianya dibatalkan secara bertulis tanpa mengambil kira sebarang perubahan dalam perlembagaan atau nama firma dan adalah terpakai tanpa mengambil kira perubahan dalam keahlian firma samada akibat kematian, keCo-opbankrakan dan persaraan atau dengan kemasukan rakan kongsi yang baru. d) Sekiranya pihak Co-opbank menerima apa-apa arahan tidak jelas atau bercanggah daripada mana-mana Pendeposit atau penandatanganan sah akaun tersebut, pihak Co-opbank berhak untuk bertindak sebagaimana yang difikirkannya patut atau tidak bertindak terhadap mana-mana arahan, tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana rakan kongsi dan/atau penandatanganan sah akaun perkongsian tersebut. e) Melainkan dipersetujui sebaliknya oleh kesemua rakan kongsi, sebarang pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada semua rakan kongsi. Sebarang permintaan untuk menutup akaun akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh Co-opbank jika ia ditandatangani oleh semua rakan kongsi.

7.0 TRANSAKSI KHAS BERKENAAN AKAUN SIMPANAN-i SALAM

7.1 Pendeposit dibenarkan untuk menjalankan sejumlah urus niaga bulanan di mana tiada yuran dan caj akan dikenakan kecuali untuk transaksi berikut: a) transaksi pengeluaran di kaunter kali kesepuluh; b) transaksi GIRO antara Co-opbank kali kelima. 7.2 Mana-mana transaksi yang dijalankan oleh Pendeposit melebihi jumlah urusniaga seperti yang dinyatakan di atas akan, jika berkenaan, tertakluk kepada yuran dan caj sedemikian sebagaimana yang ditentukan oleh Co-opbank dari masa ke semasa melainkan jika Pendeposit telah memilih untuk membayar yuran tahunan seperti yang ditetapkan oleh Co-opbank. 7.3 Kemudahan overdraf tidak dibenarkan.

8.0 DEPOSIT

8.1 Deposit boleh dimasukkan ke dalam akaun dengan atau tanpa buku simpanan tertakluk kepada pengesahan pengenalan diri yang sah dan tidak menimbulkan kecurigaan mengikut polisi dan prosedur Co-opbank. 8.2 Deposit antara cawangan adalah dibenarkan tertakluk kepada caj dan had yang ditetapkan, jika ada. 8.3 Penerimaan cek dan instrumen kewangan lain bagi transaksi kredit adalah tertakluk kepada budibicara Co-opbank. 8.4 Cek dan instrumen kewangan lain yang dideposit dan selepas itu tidak diterima, hendaklah diambil semula oleh Pendeposit dalam tempoh masa sah cek. Cek yang tidak diambil oleh Pendeposit akan disimpan sehingga 7 tahun sebelum dilupuskan. 8.5 Pendeposit hendaklah membuat sebarang deposit sebelum tarikh 'cut off' iaitu tujuh (7) hari sebelum urusniaga komoditi salam. Selepas tarikh 'cut off' sebarang penambahan deposit yang dibuat adalah tertakluk kepada prinsip Hamisyh Jiddiyyah dan hendaklah diselaraskan oleh Co-opbank sebelum jumlah baki yang ada di bawa kehadapan dalam kontrak salam yang baharu. 8.6 Pendeposit bersetuju bahawa sebarang deposit, pindahan ke dalam ASS atau baki semasa dalam ASS oleh pendeposit atau pihak ketiga adalah merupakan termasuk kepada bayaran harga belian Salam atas langganan unit komoditi yang ditetapkan semasa akad, ditaksirkan oleh Co-opbank atas suatu kuantiti yang munasabah mengikut 'sebutharga' yang dikemukakan oleh broker, diurusniagakan berlandaskan prinsip *musya'* secara urusniaga pukal bersama dengan pendeposit-pendeposit yang lain berdasarkan urusniaga komoditi masa hadapan. 8.7 Jumlah baki semasa atau deposit dalam ASS hendaklah dari masa ke semasa dianggap sebagai harga belian Salam dan merupakan liabiliti kepada Co-opbank yang akan dilindungi daripada apa-apa kerugian dan penjejasan. Jumlah prinsipal deposit adalah dilindungi sebagai "deposit Islam" sepertimana takrifan dalam Akta Kewangan Islam 2013 yang bererti sejumlah wang yang disetujui terima atau dibayar mengikut Syariah (a) atas terma yang di bawahnya ia akan dibayar balik sepenuhnya, dengan atau tanpa perolehan, pulangan atau apa-apa balasan berupa wang atau nilai lain wang lain, sama ada dituntut atau pada masa atau dalam hal keadaan yang dipersetujui oleh atau bagi pihak orang yang membuat bayaran itu dan orang yang menyetujui terimanya; 8.8 Pendeposit memahami sepenuhnya bahawa semasa deposit dibuat, apa-apa pengambilan deposit oleh Co-opbank adalah sah di sisi undang-undang dan dilindungi di bawah peruntukan suatu koperasi yang diberi kuasa di bawah Akta Koperasi 1993 untuk menyetujui terima deposit daripada anggota koperasi sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Koperasi 1993 dan untuk menyetujui terima deposit daripada bukan anggota koperasi sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Kewangan Islam 2013 dan telah mendapat kelulusan (i) kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993; dan (ii) kelulusan Bank Negara Malaysia dan mematuhi apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia.

9.0 PENGELUARAN

9.1 Sebarang pengeluaran yang ingin dibuat daripada akaun yang berkenaan tertakluk kepada sebarang kehendak Co-opbank dan/atau tertakluk kepada amalan Co-opbank yang berkuatkuasa, dan/atau tertakluk kepada bukti pengenalan diri seperti yang dikehendaki oleh Co-opbank. 9.2 Pengeluaran antara cawangan dibenarkan tertakluk kepada had dan caj yang ditetapkan, jika ada, sebagaimana yang ditentukan oleh Co-opbank. 9.3 Pendeposit hendaklah mengekalkan baki minimum dan sebarang pengeluaran di bawah baki minimum tidak boleh dilakukan melainkan akaun tersebut ditutup. 9.4 Pendeposit bersetuju bahawa sebarang pengeluaran sebelum tarikh 'cut off' tujuh (7) hari sebelum urusniaga komoditi salam dilakukan adalah merupakan pindaan langganan unit komoditi salam dan penyelerasan semula bayaran harga belian Salam sebelum penyerahan komoditi atas langganan unit komoditi yang ditetapkan dan diurusniagakan berlandaskan prinsip *musya'* secara urusniaga pukal bersama dengan pendeposit-pendeposit yang lain. Pendeposit bersetuju bahawa baki

TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i SALAM

akaun simpanan semasa selepas semua pengeluaran berulang sehingga tarikh 'cut off' adalah harga bayaran belian salam yang muktamad. 9.5 Pendeposit hendaklah membuat sebarang pengeluaran sebelum tarikh 'cut off' iaitu tujuh (7) hari sebelum urusan komoditi salam. Selepas tarikh 'cut off' pengeluaran yang dibuat adalah tertakluk kepada prinsip Qard (yang diberi oleh Co-opbank kepada pendeposit) dan hendaklah ditolakselesai dan/atau diselaraskan oleh Co-opbank sebelum jumlah baki yang ada di bawa ke hadapan dalam kontrak salam yang baharu.

10.0 YURAN DAN CAJ

10.1 Melainkan diterangkan secara nyata, Pendeposit bersetuju bahawa Co-opbank berhak untuk mengenakan bayaran yuran atau caj bagi sebarang perkhidmatan yang diberikan kepada Pendeposit pada kadar yang ditentukan oleh Co-opbank (seperti mana yang diluluskan oleh SKM) dan seperti yang dinyatakan di laman web Co-opbank. Pihak Co-opbank berhak untuk mendebit akaun Pendeposit bagi tujuan caj tersebut. 10.2 Yuran-yuran/caj-caj yang dikenakan adalah termasuk cukai yang ditetapkan oleh kerajaan (jika ada) yang mana berkenaan dari masa ke semasa.

11.0 PENYATA AKAUN

11.1 Penyata akaun yang dikeluarkan oleh Co-opbank akan dianggap sah jika tidak dipertikaikan dalam 14 hari kalendar dari tarikh penyata akaun. 11.2 Bagi Pendeposit ASS tanpa buku simpanan, pihak Co-opbank akan mengeluarkan penyata suku tahunan atau e-penyata melalui e-mel. 11.3 Co-opbank dibolehkan untuk tidak menghantar penyata akaun jika akaun dorman atau tidak aktif bagi tempoh yang ditentukan oleh Co-opbank. Co-opbank juga boleh menghentikan penghantaran penyata akaun jika penyata tidak dituntut atau tidak dapat dihantar atas apa-apa sebab sekalipun.

12.0 BUKU SIMPANAN

12.1 Hanya warga emas akan diberikan buku simpanan. Pendeposit dikehendaki menyimpan buku simpanan dengan cermat dan selamat pada setiap masa. Co-opbank tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerugian yang berpunca daripada kecuaiannya Pendeposit di mana orang lain telah berjaya mengeluarkan wang secara penipuan daripada buku simpanan tersebut. 12.2 Co-opbank akan menggantikan dengan buku simpanan yang baru sekiranya buku simpanan telah luntur atau rosak tertakluk kepada caj penggantian buku. 12.3 Pendeposit dikehendaki segera memberitahu pihak Co-opbank secara bertulis sekiranya buku simpanan telah hilang atau musnah. Pihak Co-opbank akan mengeluarkan buku simpanan baru setelah mengemukakan bukti berkenaan dan menandatangani Surat Pelepasan Tanggungan yang dikehendak. 12.4 Pendeposit dikehendaki membawa buku simpanan ke cawangan Co-opbank yang terdekat untuk pengemaskinian sekiranya terdapat urusan tanpa buku simpanan telah dibuat. 12.5 Pendeposit hendaklah menyimpan buku simpanan dalam keadaan selamat dan dikehendaki dengan segera melaporkan secara bertulis, kehilangan atau kecurian kepada Co-opbank. Penggantian buku simpanan yang hilang hanya akan dikeluarkan selepas Co-opbank menerima Surat Pelepasan Tanggungan yang telah ditandatangani oleh Pendeposit berserta pembayaran caj setem hasil sebanyak RM10 atau sebarang amaun lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh pihak Co-opbank dari semasa ke semasa.

13.0 KEBENARAN

13.1 Semua cek, cek jurubank, draf bank, Sijil Hutang Islam Boleh Niaga, kiriman wang, wang pos, waran dan sebarang surat cara melabur yang tidak laku akan dikembalikan dengan tangan atau melalui pos berdaftar ke alamat Pendeposit yang terakhir yang didaftarkan dengan Co-opbank di atas risiko dan perbelanjaan Pendeposit. Melainkan terdapat kecuaiannya pihak Co-opbank, Co-opbank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemasukan atau catatan (entry) yang tidak dibenarkan di dalam akaun Pendeposit. Pendeposit hendaklah berhati-hati semasa memeriksa catatan di dalam akaun dan memaklumkan kepada pihak Co-opbank tentang apa-apa kesilapan, ketaksamaan, percanggahan, tuntutan atau debit tanpa kebenaran atau butiran yang sama ada dibuat, diproses atau dibayar akibat pemalsuan, penipuan, tiada kebenaran, kecuaiannya atau selainnya oleh mana-mana orang sekalipun. Kegagalan oleh Pendeposit untuk memberitahu pihak Co-opbank secara bertulis tentang kegagalan menerima penyata atau gagal memberitahu Co-opbank secara bertulis tentang apa-apa kesilapan, percanggahan, ketaksamaan atau tuntutan, debit atau urusan tanpa kebenaran pada penyata dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata (sama ada diterima atau tidak oleh Pendeposit), rekod dalam penyata adalah keterangan muktamad bahawa urusan niaga yang dinyatakan di dalam penyata tersebut telah dijalankan dengan betul dan Pendeposit dianggap dengan muktamad telah menerima semua perkara yang terkandung di dalam penyata itu sebagai benar dan tepat dalam semua hal. Apa-apa pertikaian tentang urusan niaga yang dikemukakan untuk perhatian Co-opbank selepas tempoh empat belas (14) hari tersebut tidak akan dilayan oleh Co-opbank.

14.0 URUSNIAGA KOMODITI

14.1 Pendeposit bersetuju bahawa Co-opbank menetapkan tarikh urusan niaga komoditi masa hadapan pada setiap tarikh pembayaran keuntungan pada setiap enam (6) bulan iaitu pada bulan Jun atau Julai dan pada bulan Disember atau Januari atau suatu tarikh yang akan dimaklumkan oleh Co-opbank dari masa ke semasa dalam laman sesawang www.cbp.com.my. Sekiranya tarikh urusan niaga jatuh pada hari cuti, pendeposit bersetuju bahawa tarikh urusan niaga komoditi akan dianjak ke hadapan sehingga jatuh pada hari bekerja. Harga belian salam hendaklah dianggap muktamad pada tarikh 'cut off' iaitu 7 hari sebelum urusan niaga komoditi. 14.2 Pendeposit juga bersetuju bahawa urusan niaga komoditi akan dilaksanakan secara pemilikan / pegangan konstruktif (*qabdh hukmi*). Semua proses serah terima (*takhlīyyah*) komoditi adalah secara hukmi yang dibuktikan melalui sijil komoditi. 14.3 Pendeposit juga bersetuju bahawa sekiranya tiada penyerahan komoditi secara fizikal (*Qabd Hakiki*) dipilih oleh pendeposit, berdasarkan kepada prinsip wakalah, urusan niaga komoditi akan dilakukan oleh Co-opbank untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga melalui broker dan platform yang ditentukan Co-opbank. Urusan niaga komoditi akan menghasilkan tunai yang mana merupakan komposisi (a) Jumlah Prinsipal

TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i SALAM

dan (b) Jumlah Keuntungan. Jumlah tunai tersebut akan dibawa ke hadapan dalam siri-siri akad Salam yang baharu untuk urusniaga komoditi masa hadapan untuk tempoh 6 bulan berikutnya. 14.4 Pendeposit bersetuju bahawa harga belian Salam adalah berasaskan langganan setiap unit komoditi salam yang bernilai RM1 bagi setiap unit. Setiap unit akan mengandungi hak dan pemilikan pendeposit terhadap suatu kuantiti komoditi yang ditentukan oleh Co-opbank dari masa ke semasa. Pendeposit juga bersetuju bahawa kuantiti komoditi bagi setiap unit salam yang muktamad hendaklah dirujuk sendiri oleh pendeposit di dalam laman sesawang Co-opbank di www.cbp.com.my semasa tarikh 'cut off'. Setiap perubahan atau pelarasan semula kuantiti komoditi bagi setiap unit salam tidak akan menjejaskan nilai deposit oleh pendeposit atau keuntungan di dalam akaun simpanan-i salam. Pelarasan hanya dilakukan untuk menyesuaikan jumlah urusniaga komoditi di dalam pasaran. 14.5 Pendeposit bersetuju bahawa harga jualan Salam adalah berasaskan nilai transaksi di antara Co-opbank sebagai wakil dengan pihak ketiga / broker komoditi. Co-opbank hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan setiap siri transaksi dengan pihak ketiga / broker komoditi tidak akan menjejaskan nilai prinsipal deposit oleh pendeposit atau berurusniaga komoditi di bawah harga belian salam. Harga jualan salam hendaklah bersamaan jumlah harga belian salam dan keuntungan yang mana keuntungan adalah apa-apa perbezaan di antara harga belian salam dan harga jualan salam. 14.6 Sebarang perbezaan / keuntungan dalam harga jualan Salam yang dijana oleh Co-opbank sebagai wakil pendeposit melalui urusniaga komoditi tersebut adalah kepunyaan pendeposit tertakluk kepada kadar keuntungan bertingkat yang diisytiharkan oleh Co-opbank dalam laman sesawang daripada semasa ke semasa. Apa-apa lebihan / perbezaan daripada harga jualan salam yang melebihi kadar keuntungan bertingkat yang diisytiharkan oleh Co-opbank dikira sebagai insentif kepada CBP sebagai wakil urusniaga. Klausula ini hendaklah berkuatkuasa secara retrospektif. 14.7 Pendeposit bersetuju bahawa jenis dan kualiti komoditi hendaklah dipilih dan ditentukan oleh pendeposit semasa melakukan akad induk Bai' Salam dan hanya boleh ditukar sebelum tarikh 'cut off' dengan mengisi borang yang disediakan oleh Co-opbank tertakluk kepada senarai komoditi yang tersedia oleh broker. 14.8 Pendeposit bersetuju bahawa sekiranya pendeposit membuat pilihan untuk serah terima komoditi secara fizikal, Co-opbank hendaklah dimaklumkan melalui notis bertulis pada tarikh 'cut off' bagi tujuan pengaturai penyerahan yang tertakluk kepada had minima langganan unit salam, caj penghantaran oleh broker serta syarat-syarat oleh platform komoditi. Sekiranya pendeposit memilih penghantaran fizikal, secara automatik pengeluaran semua jumlah baki deposit dalam akaun simpanan-i dianggap berlaku dan Co-opbank tidak boleh menjamin sebarang keuntungan daripada transaksi seterusnya oleh pendeposit dengan pihak ketiga. 14.9 Pendeposit juga bersetuju bahawa Co-opbank hendaklah dilepaskan daripada sebarang tanggungan dan kerugian sekiranya pendeposit memilih untuk mengambil penyerahan komoditi secara fizikal dan melakukan urusniaga komoditi sendiri di pasaran. Jika terdapat kecacatan komoditi semasa serah terima fizikal, ia boleh dituntut kepada broker dan/atau platform.

15.0 PEMBAYARAN KEUNTUNGAN DAN MANFAAT TAMBAHAN

15.1 Pendeposit bersetuju bahawa Co-opbank akan memberikan pulangan keuntungan kepada pendeposit berdasarkan jadual keuntungan bertingkat berdasarkan penawaran oleh Co-opbank dari masa ke semasa dan hanya akan dibayar setelah urusniaga komoditi Salam disempurnakan pada setiap 6 bulan pada tarikh yang akan diumumkan oleh Co-opbank. Pendeposit hendaklah bersetuju dengan apa-apa kadar pulangan keuntungan yang ditentukan Co-opbank berdasarkan perbezaan antara harga belian salam dan harga jualan salam. 15.2 Keuntungan akan dikira berdasarkan purata bulanan bergerak selama enam (6) bulan atau apa-apa kaedah pengiraan yang ditentukan oleh polisi Co-opbank dari masa ke semasa. 15.3 Pendeposit bersetuju bahawa Co-opbank hendaklah mempunyai budibicara penuh menentukan jika ada ganjaran tambahan dalam bentuk (hibah) atau sebarang bentuk imbalan, faedah, manfaat, hadiah atau bahan galakan samaada dalam bentuk kewangan atau bahan-bahan bukan kewangan atau faedah-faedah perlindungan Takaful dari masa ke semasa tertakluk kepada syarat-syarat yang diarahkan dalam laman sesawang Co-opbank di www.cbp.com.my. 15.4 Pendeposit hendaklah bersetuju bahawa akaun-akaun yang dormant atau tidak aktif atau mempunyai baki pada dan di bawah had minima secara automatik dianggap sebagai Qard dan tidak akan dibayar pulangan keuntungan dan digugurkan kelayakan semua manfaat tambahan kerana Co-opbank tidak akan melakukan urusniaga komoditi bagi akaun-akaun tersebut.

16.0 HAK TERHADAP LIEN, TOLAKAN DAN PENAHANAN DANA

16.1 Pendeposit bersetuju bahawa pihak Co-opbank mempunyai hak secara mutlak pada bila-bila masa untuk: (a) Meminta bayaran balik daripada Pendeposit dan/atau mendebit akaun Pendeposit dan/atau melakukan tolakkan mana-mana baki di dalam mana-mana akaun Pendeposit untuk apa-apa lebihan bayaran ke dalam mana-mana akaun Pendeposit yang terhasil daripada kesilapan, tidak aturan atau peninggalan, sama ada disebabkan oleh pihak Co-opbank, di dalam proses menjalankan arahan Pendeposit, atau di dalam apa jua keadaan selainnya. (b) Berdasarkan prinsip Syariah Muqassah Melakukan tolakkan bagi mana-mana wang di dalam mana-mana akaun Pendeposit termasuk daripada jumlah kredit terhasil daripada dividen syer, keuntungan deposit berjangka, perkongsian keuntungan pelaburan dengan pihak Co-opbank (sama ada matang atau selainnya) dan/atau mana-mana produk pelaburan/deposit dan/atau jumlah yang masih terhutang simpan di dalam mana-mana akaun Pendeposit, bagi melunaskan sebarang liabiliti-liabiliti Pendeposit kepada pihak Co-opbank pada bila-bila masa yang difikirkan hendaklah oleh Co-opbank. Sekiranya terdapat jumlah belum dibayar, terhutang, dan hendaklah dibayar oleh Pendeposit, pihak Co-opbank boleh menahan pengeluaran atau menahan daripada melepaskan mana-mana akaun, jumlah baki, dana dan/atau aset Pendeposit. Pihak Co-opbank dibenarkan untuk mencairkan (sama ada pada atau sebelum tarikh matang) mana-mana akaun simpanan, deposit, pelaburan, dan/atau apa jua aset Pendeposit yang dipegang oleh pihak Co-opbank sehingga kesemua wang yang belum dibayar, terhutang, dan hendaklah dibayar dijelaskan sepenuhnya oleh Pendeposit.

17.0 AKAUN TIDAK AKTIF / AKAUN DORMAN / WANG TAK DITUNTUT

17.1 Pendeposit hendaklah melakukan sekurang-kurangnya satu transaksi dalam tempoh dua (2) tahun. Setelah memberikan peringatan melalui notis, Co-opbank akan mengklasifikasikan akaun sebagai dormant dan dianggap sebagai Qard jika akaun tidak aktif untuk tempoh dua (2) tahun dari tarikh transaksi terakhir. 17.2 Mana-mana baki kredit yang ada di dalam ASS yang tidak beroperasi selama 7 tahun atau lebih akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut (UMA) 1965. 17.3 Tertakluk kepada klausa 10.1, caj perkhidmatan tahunan akan dikenakan dan ditolak dari akaun selagi ia kekal tidak aktif. Bayaran perkhidmatan akan dikenakan (potongan secara automatik) sehingga baki yang tinggal melebihi had minima dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut. 17.4 Tertakluk kepada klausa 10.1, caj perkhidmatan tahunan akan dikenakan dan ditolak dari akaun selagi ia kekal tidak aktif. Bayaran perkhidmatan akan dikenakan (potongan secara automatik) sehingga baki yang tinggal di bawah had minima akan didermakan ke dalam Tabung Infaq dan akaun akan ditutup sertamerta secara automatik. 17.5 Pendeposit bersetuju bahawa sebarang jumlah dalam akaun dormant dan tidak aktif, akan ditahan dan digantung daripada dilibatkan dengan mana-mana

TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i SALAM

siri urusan komoditi salam yang mana semua jumlah baki dalam akaun tersebut hanya akan dianggap sebagai dana Qard sehingga ia diaktifkan semula. Pendeposit hanya berhak menuntut pemulangan atau pengeluaran jumlah wang daripada akaun dorman pada nilai prinsipal tanpa sebarang keuntungan.

18.0 PEMBEKUAN, PENAHANAN, PENGGANTUNGAN DAN/ATAU PENUTUPAN AKAUN

18.1 Pihak Co-opbank boleh membekukan, menahan, menggantung, menutup dan/atau meletakkan apa-apa tanda lain yang sesuai pada akaun Pendeposit dan menguruskan baki-baki di dalam akaun Pendeposit mengikut budi bicara pihak Co-opbank apabila menerima notis kematian, hilang akal, muflis, dan bankrap atau apabila disampaikan perintah daripada mana-mana mahkamah, pihak berkuasa atau agensi penguatkuasaan, atau sehingga dikemukakan kepada Co-opbank surat kuasa sebagai Pentadbir atau surat kuasa dari pemegang Amanah Raya atau Pesaka Kecil atau Mahkamah atau Pentadbir Hibah atau mengikut pendapat pihak Co-opbank adalah sesuai dan perlu untuk berbuat demikian (yang mana ianya muktamad dan mengikat). 18.2 Pihak Co-opbank juga boleh menutup/ menamatkan akaun tersebut jika berlaku mana-mana perkara berikut:

i) Pendeposit muflis/tidak solven atau di dalam proses pengkulungan; atau ii) Deposit cek dipulangkan atau dikembalikan; atau iii) Pendeposit mengeluarkan kesemua amaun yang telah didepositkan atau baki akaun di bawah jumlah minimum yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di dalam klausa 9.4; atau iv) Pendeposit melanggar mana-mana peraturan dan syarat-syarat yang telah dipersetujui; atau v) Pendeposit tidak bersetuju pada sebarang perubahan atau pindaan pada mana-mana terma dan syarat ini, dan peruntukan dibawah Klausa 18.2; atau vi) Arahan mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang; atau vii) Mana-mana keadaan lain yang dirasakan sesuai oleh pihak Co-opbank. 18.3 Pembekuan akaun simpanan boleh dilakukan oleh Co-opbank apabila berlakunya kematian, kebangkrutan atau pemegang akaun tidak waras (gila) sehingga mendapat surat kuasa sebagai Pentadbir atau surat kuasa dari pemegang Amanah Raya atau Pesaka Kecil atau Mahkamah atau Pentadbir Hibah atau atas arahan pihak berkuasa atau sebab-sebab tertentu.

19.0 ARAHAN PEMBAYARAN / PEMBAYARAN TETAP

19.1 Sebarang pembayaran atau pemindahan dana yang akan dibuat atau dilaksanakan selaras dengan arahan tetap yang diberikan kepada Co-opbank adalah tertakluk kepada syarat baki yang mencukupi di dalam akaun dari mana dana tersebut akan dibayar atau dipindahkan sebagaimana, yang akan ditentukan oleh Co-opbank dari semasa ke semasa berdasarkan prinsip Hiwalah.

20.0 TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN

20.1 ASS juga adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Co-opbank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dari semasa ke semasa. Pendeposit bersetuju bahawa perkhidmatan pada masa ini dan / atau pada bila-bila masa yang ditawarkan oleh Co-opbank kepada Pendeposit akan bergantung dan tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan tersebut. 20.2 Tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah, Co-opbank berhak untuk mengubah mana-mana atau kesemua terma dan syarat pada bila-bila masa. Sebarang perubahan hendaklah dimaklumkan kepada Pendeposit sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa perubahan tersebut. Notis perubahan boleh dimaklumkan dengan memaparkan notis tersebut di premis Co-opbank atau dalam apa jua bentuk komunikasi yang lain yang difikirkan sesuai oleh Co-opbank. 20.3 Jika terdapat sebarang perubahan pada data peribadi seperti alamat Pendeposit, Pendeposit hendaklah memaklumkan kepada pihak Co-opbank dengan segera. Ini adalah penting untuk memastikan bahawa semua komunikasi kepada Pendeposit dapat dilaksanakan secara berkesan dan segera. 20.4 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat ini adalah tidak sah, menyalahi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang atau oleh apa-apa sebab sekalipun, kesahihan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas.

21.0 PENDEDAHAN MAKLUMAT

21.1 Co-opbank tidak akan mendedahkan data peribadi Pendeposit termasuk alamat, nombor telefon atau alamat e-mel kepada mana-mana pihak luar yang lain daripada pihak yang disenaraikan di bawah ("Pihak-Pihak Dibenarkan") selain daripada untuk tujuan yang berkaitan dengan pengendalian akaun Pendeposit, melainkan jika Co-opbank mendapat kebenaran daripada Pendeposit, atau sama ada terletak di bawah tanggungjawab undang-undang atau apa-apa kewajipan lain untuk berbuat demikian: a) mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah Kumpulan Co-opbank yang merangkumi syarikat induk Co-opbank, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat berkaitan, sekutu, wakil dan pejabat cawangan; b) pihak ketiga yang berkenaan seperti penasihat profesional, rakan perniagaan strategik dan pakatan, penyedia perkhidmatan, syarikat insurans / pengendali Takaful atau insurans / broker Takaful, peniaga, pembekal, rakan niaga dan ejen perniagaan yang menyokong aktiviti operasi Co-opbank dan yang berada di bawah kewajipan undang-undang untuk kerahsiaan data anda; c) mana-mana peserta sebenar atau berpotensi atau pemegang serah hak, novatee atau penerima pindahan hak-hak dan / atau kewajipan Co-opbank di bawah apa-apa transaksi antara pihak Co-opbank dan anda (atau mana-mana ejen atau penasihat profesional); d) mana-mana agensi penarafan atau pembekal langsung / tidak langsung perlindungan kredit kepada Co-opbank; e) mana-mana pihak seperti yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang atau mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan / penyeliaan kawal selia atau pihak berkuasa, mahkamah atau tribunal; f) mana-mana agensi rujukan kredit yang digunakan oleh Co-opbank bagi penilaian kredit atau kajian semula kredit dan pihak-pihak yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh Co-opbank; g) apa-apa agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen masing-masing; h) mana-mana penjamin atau penyedia cagaran untuk kemudahan anda. 21.2 Pendeposit dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada Kenyataan Privasi yang berkaitan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang ditandatangani dengan Co-opbank dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma yang terkandung di sini dengan terma yang dinyatakan dalam Kenyataan Privasi, terma dan syarat di dalam Kenyataan Privasi akan diguna pakai. 21.3 Pendeposit mengakui bahawa maklumat yang diberikan oleh Pendeposit kepada Co-opbank, termasuk maklumat mengenai Pendeposit dan sebarang akaun yang boleh dilaporkan boleh dikongsi dengan pihak berkuasa cukai negara / bidang kuasa dimana akaun ini diselenggara, dimiliki dan / atau dipertukarkan dengan mana-mana pihak berkuasa cukai negara / bidang kuasa lain atau negara / negara dimana Pendeposit boleh menjadi

TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i SALAM

pemastautin cukai menurut perjanjian antara kerajaan dimana Co-opbank mempunyai kewajiban untuk membuat pertukaran terhadap apa-apa maklumat akaun.

22.0 ANTI PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

22.1 Untuk mematuhi undang-undang tempatan, luar negara, peraturan, kod sukarela, arahan, penghakiman atau perintah mahkamah, dan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan, dasar, amalan yang baik, sekatan atau embargo kerajaan, kehendaklah laporan di bawah undang-undang dan permintaan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguat kuasa, badan pertukaran, pihak Co-opbank boleh:

(i) Melarang untuk memasuki atau menyelesaikan transaksi yang melibatkan individu atau entiti tertentu (contohnya individu atau entiti yang dipersetujui atau dihubungkan dengan atau berurusan dengan (secara langsung atau tidak langsung) mana-mana individu atau entiti yang dikenakan di bawah sekatan ekonomi dan perdagangan yang dikenakan oleh mana-mana pengawal selia di bawah mana-mana bidang kuasa. (ii) Melaporkan transaksi yang mencurigakan atau potensi pelanggaran sekatan kepada pihak berkuasa di mana-mana bidang kuasa di mana pihak Co-opbank mungkin hendaklah memutuskan untuk mendedahkan. Transaksi yang terlibat termasuk yang mungkin: a) melibatkan penyediaan kewangan kepada mana-mana orang yang terlibat atau disyaki terlibat dalam keganasan atau apa-apa tindakan penganas; b) mempunyai kaitan yang relevan dengan siasatan terhadap suatu undang-undang percukaian atau percubaan yang sebenarnya, penyiasaan atau pendakwaan terhadap seseorang untuk suatu kesalahan terhadap undang-undang yang berlaku; atau c) melibatkan orang atau entiti yang mungkin menjadi subjek sekatan. (iii) Memintas dan menyiasat apa-apa mesej pembayaran dan maklumat atau komunikasi lain yang dihantar kepada atau oleh Pendeposit atau bagi pihak Pendeposit dan boleh melambatkan, menyekat atau enggan membuat apa-apa bayaran dan pemeriksaan pembayaran boleh menyebabkan kelewatan memproses maklumat tertentu. (iv) Mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan hendaklah, yang merangkumi pembekuan dana, menghalang operasi akaun, menolak permintaan dana dari Pendeposit, tidak membenarkan Pendeposit menggunakan produk, atau melambatkan atau membatalkan transaksi. Pihak Co-opbank tidak hendaklah memberitahu Pendeposit sehingga masa yang munasabah selepas dibenarkan untuk berbuat demikian di bawah undang-undang atau dasar tersebut. Pihak Co-opbank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa tindakan yang diambil atau apa-apa kelewatan atau kegagalan oleh pihak Co-opbank, dalam melaksanakan apa-apa kewajipan atau kewajipan lain, yang disebabkan secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan apa-apa langkah yang diambil seperti yang dinyatakan di atas. (v) Tidak menerima apa-apa deposit daripada apa-apa wang atau cek dan/atau membenarkan atau menjalankan apa-apa transaksi lain termasuk pengeluaran wang berkenaan dengan akaun Pendeposit termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pemindahan dan pemindahan telegraf wang dari atau ke akaun Pendeposit jika pihak Co-opbank mempunyai sebab untuk menerima atau dimaklumkan oleh pihak ketiga atau pihak berkuasa yang berkaitan bahawa akaun Pendeposit digunakan atau terlibat dalam penipuan, penipuan yang berpotensi, jenayah kewangan, aktiviti haram, permintaan skim pelaburan kewangan haram, pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan aktiviti-aktiviti. Pihak Co-opbank juga hendaklah (tertakluk kepada tahap yang dibenarkan oleh undang-undang), berhak untuk menutup, membekukan atau sebaliknya berurusan dengan akaun yang mana difikirkan sesuai.

23.0 ARAHAN

23.1 Sebarang arahan daripada Pendeposit kepada Co-opbank berkenaan dengan ASS hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Pendeposit. Arahan-arahan tersebut hanya berkuatkuasa apabila diterima oleh pihak Co-opbank.

24. FORMALISASI AKAD

Jika pendeposit ada melakukan formalisasi pengesahan akad melalui apa-apa medium yang diminta oleh Co-opbank samada secara bertulis atau secara atas talian, SMS, email dan lain-lain kaedah, maka akad dan kontrak telah menjadi sempurna. Ia juga mengesahkan apa-apa akad atau kontrak yang dilaksanakan bagi pihak saya/kami oleh Co-opbank sebelum ini berkuatkuasa secara *retrospektif* selagimana ia tidak menyebabkan saya/kami menanggung apa-apa kerugian kewangan dalam akaun simpanan saya/kami. Penerimaan pengesahan oleh Co-opbank adalah dianggap berlaku secara automatik melalui medium elektronik tanpa keperluan kepada apa-apa notis balasan bertulis dan bertandatangani. Pengesahan Akad dan kontrak secara elektronik ini dianggap telah sempurna dan mengikat dari aspek syariah dan dari sudut undang-undang.

25. PEMATUHAN SYARIAH

25.1 Pendeposit dengan ini bersetuju akan sentiasa bertanggungjawab untuk memperakui dan membuat deklarasi dengan sepenuh kejujuran bahawa status latarbelakang sumber kewangan atau perniagaan pendeposit adalah diyakini oleh pendeposit harus pada prinsip Syariah **atau** tidak pernah menyedari atau difahamkan ada melibatkan seratus peratus aktiviti tidak patuh Syariah **atau** tidak pernah menyedari melibatkan aktiviti bercampur antara Halal dan Haram pada tandaaras yang diketahui. 25.2 Pendeposit dengan ini bersetuju akan sentiasa bertanggungjawab untuk memperakui dan membuat deklarasi dengan sepenuh kejujuran dana yang didepositkan kepada Co-opbank dari masa ke semasa adalah bukan bersumberkan seratus peratus dana tidak patuh Syariah daripada aktiviti-aktiviti berkaitan riba, aktiviti berkaitan perjudian, aktiviti melibatkan arak dan alkohol, melibatkan penternakan dan produksi produk berasaskan khinzir, aktiviti berkaitan pelacuran dan maksiat, aktiviti berkaitan pornografi, penyeludupan senjata, penyalahgunaan dadah, aktiviti keganasan serta lain-lain aktiviti-aktiviti haram dari sudut prinsip Syariah dan undang-undang yang ditafsirkan dan ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah Co-opbank serta Majlis Penasihat Syariah oleh Badan-badan pengawalselia atau pihak berkuasa. 25.3 Pendeposit dengan ini memahami dan bersetuju bahawa Co-opbank mesti menguruskan deposit atau sumber kewangan daripada sumber dana yang harus dengan kaedah patuh Syariah pada setiap masa. Justeru itu Co-opbank mempunyai hak sepenuhnya untuk menolak deposit dan memulangkannya pada bila-bila masa kepada pendeposit tanpa sebarang pulangan keuntungan jika Co-opbank diberi tahu atau mendapat tahu atau difahamkan oleh pendeposit atau melalui maklumat pihak ketiga bahawa terdapat unsur-unsur risiko tidak patuh Syariah atau risiko reputasi Syariah.

TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i SALAM

26.0 UNDANG-UNDANG

26.1 Terma-terma dan syarat-syarat ini akan ditadbir oleh atau tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

PERAKUAN PENDEPOSIT

Saya/ kami pendeposit dengan ini memperakui dengan sejujurnya bahawa kami telah memahami semua terma dan syarat yang dinyatakan di atas serta mempersetujui dan tidak mempunyai sebarang bantahan dengan peraturan yang ditetapkan oleh Co-opbank dalam Akaun Simpanan Salam-i ini. Saya / kami juga dengan ini bersetuju tanpa boleh batal untuk melepaskan Co-opbank daripada sebarang bentuk tanggungan dan/atau dakwaan kecuali atas peranan serta tanggungjawab Co-opbank yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini.

SIGHAH AKAD KONTRAK BAI' SALAM

Lafaz Akad (Ijab oleh Pendeposit)

Saya / Kami sebagai pendeposit dengan ini bersetuju memasuki kontrak Bai' Salam induk ini dengan Co-opbank dan semua siri-siri urusaniaga komoditi salam pada masa hadapan selagimana akaun simpanan ini masih aktif dan mempunyai apa-apa baki di atas baki minima untuk membeli komoditi yang ditetapkan iaitu CPO (crude palm oil); pada kualiti yang ditetapkan oleh platform komoditi dan Co-opbank, pada kuantiti yang sama dengan apa-apa jumlah muktamad dalam akaun simpanan ini pada tarikh "cut off" yang ditetapkan pada sekurang-kurangnya setiap 7 hari sebelum tarikh urusaniaga komoditi, pada harga RM1 bagi setiap 1 unit komoditi salam, dengan harga salam permulaan yang dikreditkan dalam akaun simpanan ini tertakluk kepada perincian rukun-rukun dan syarat akad yang telah dinyatakan dalam terma dan syarat di atas tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah

.....
Tandatangan Pendeposit
(NAMA PENANDATANGAN BERKUASA)

KEGUNAAN CO-OPBANK SAHAJA

Lafaz Akad (Qabul Oleh Co-opbank)

Saya (pegawai CBP) bagi pihak Co-opbank dengan ini bersetuju memasuki kontrak Bai' Salam induk ini dengan "pendeposit" dalam semua siri-siri urusaniaga komoditi salam pada masa hadapan selagimana akaun simpanan ini masih aktif dan mempunyai apa-apa baki di atas baki minima untuk menjual komoditi yang ditetapkan kepada pendeposit, pada kualiti yang dipersetujui dan kuantiti yang dinyatakan, tertakluk kepada perincian rukun-rukun dan syarat akad yang telah dinyatakan dalam terma dan syarat di atas tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.

.....
Tandatangan Pegawai Co-opbank
(NAMA)
(COP)

Cawangan :

No Akaun :

Jenis kod produk :

- ☐ Akaun Simpanan-i Salam (Kod Asas)
- ☐ Akaun Simpanan-i Salam Mystar (sub-kod)
- ☐ Akaun Simpanan-i Salam Ahliyyah (sub-kod)
- ☐ Akaun Simpanan-i Salam Baitullah (sub-kod)
- ☐ Akaun Simpanan-i Salam Murabbi (sub-kod)
- ☐ Akaun Simpanan-i Salam Masjid (sub-kod)
- ☐ Akaun Simpanan-i Salam Ijtimaie (sub-kod)
- ☐ Akaun Simpanan-i Salam Tijari (sub-kod)
- ☐ Akaun Simpanan-i Salam Aqarib (sub-kod)
- ☐ Akaun Simpanan-i Salam Hijrah (Biasa)
- ☐ Akaun Simpanan-i Salam Hijrah (Hasanah)
- ☐ Akaun Simpanan-i Salam Hijrah (Mutiarah)

Tujuan akaun :

- ☐ Simpanan
- ☐ Deposit Sekuriti (FSRA)
(disertakan surat arahan deposit FSRA)
menggunakan akaun simpanan-i Salam

Persetujuan Kontrak Wakalah

Saya/kami pendeposit dengan ini memperakui dengan sejujurnya bahawa saya/kami telah bersetuju memberikan kuasa penuh kepada Co-opbank berdasarkan prinsip Wakalah untuk menggunakan apa-apa baki dalam Akaun Simpanan-i Salam pada masa-masa yang ditentukan oleh Co-opbank untuk melaksanakan semua siri-siri urusan komoditi Salam yang mana berkenaan bagi pihak saya/kami secara berulang-ulang selagi mana akaun simpanan-i Salam ini masih aktif serta memberikan kuasa penuh kepada Co-opbank dari masa ke semasa untuk menentukan harga belian komoditi Salam yang muktamad semasa tarikh 'cut off', jenis komoditi, kuantiti dan kualiti yang bersesuaian dengan unit langganan salam saya/kami serta melakukan proses serah terima hukmi (*takhliyyah*) akad Bai' Salam bagi pihak saya/kami dan menjual komoditi bagi pihak pendeposit kepada pihak ketiga melalui broker dan platform yang ditentukan Co-opbank serta menentukan harga jualan Salam kepada pihak ketiga selagi mana urusan tersebut tidak merugikan pihak saya/kami. Saya / kami juga dengan ini bersetuju tanpa boleh batal untuk melepaskan Co-opbank daripada sebarang bentuk tanggungan dan/atau dakwaan kecuali atas peranan serta tanggungjawab Co-opbank yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini.

Sighah Akad Kontrak Wakalah

Lafaz Akad (Ijab oleh Pendeposit)

Saya / Kami sebagai pendeposit dengan ini bersetuju memasuki kontrak Wakalah induk ini sebagai Muwakkil dengan memberikan kuasa-kuasa yang dipersetujui di atas kepada Co-opbank sebagai wakil untuk melakukan penyempurnaan semua siri-siri akad salam dan penjualan komoditi kepada pihak ketiga serta semua urusan berkaitan urusan komoditi Salam tertakluk kepada perincian rukun-rukun dan syarat akad yang telah dinyatakan di atas tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah selagi mana akaun ini masih aktif.

.....
Tandatangan Pendeposit
(NAMA PENANDATANGAN BERKUASA)

Tarikh

KEGUNAAN CO-OPBANK SAHAJA

Lafaz Akad (Qabul oleh Co-opbank)

Bagi pihak Co-opbank dengan ini bersetuju memasuki kontrak Wakalah induk ini sebagai Wakil dengan menerima pemberian kuasa-kuasa yang dipersetujui di atas oleh Muwakkil kepada Co-opbank sebagai wakil untuk melakukan penyempurnaan bagi semua siri-siri akad salam dan penjualan komoditi kepada pihak ketiga serta mengendalikan semua urusan berkaitan urusan komoditi Salam tertakluk kepada perincian rukun-rukun dan syarat akad yang telah dinyatakan di atas tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah selagi mana akaun ini masih aktif.

.....
Tandatangan Pegawai Co-opbank
(NAMA)
(COP)
Tarikh

Cawangan :

No Akaun :